

Hubungan Antara Konflik Peranan, Sokongan Sosial dan Kesejahteraan Emosi Wanita dwi-Peranan di Lembah Klang

Relationship between Role Conflict, Social Support and Emotional Wellbeing among Dual-Role Women in Lembah Klang.

Siti Marziah Zakaria¹, Norulhuda Sarnon², Faradillah Iqmar Omar³, Suzana Mohd Hoesni⁴ & Nurul Shafini Shafurdin⁵

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
22 NOVEMBER 2018	28 NOVEMBER 2018	4 DISEMBER 2018

ABSTRAK

Kaum wanita merupakan sebahagian sumber penting yang boleh digemblengkan bagi mencapai agenda pembangunan negara. Tuntutan kehidupan pada hari ini menjadikan golongan wanita perlu mempunyai kerjaya sebagai sokongan kepada keperluan keluarga. Sehubungan itu, proses industrialisasi dan urbanisasi telah meninggalkan kesan terhadap peranan wanita dalam masyarakat yang menyebabkan wanita mula bekerja di luar rumah dan mula terlibat dalam bidang-bidang profesional. Scenario ini telah mencetuskan konflik peranan dalam kalangan wanita berkerjaya. Justeru, kertas kerja ini akan mengenalpasti hubungan antara konflik peranan dengan sokongan sosial dan kesejahteraan emosi wanita dwi-peranan di Lembah Klang. Seramai 283 orang responden telah terlibat dalam kajian ini dan bertindak sebagai sampel kajian. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan purposif, dengan meletakkan beberapa kriteria yang tertentu kepada responden yang akan dipilih sebagai sampel kajian. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara konflik peranan, sokongan sosial dan kesejahteraan emosi wanita dwi-peranan. Ia menjelaskan bahawa konflik peranan yang tinggi dan sokongan sosial yang rendah boleh menurunkan tahap kesejahteraan emosi. Oleh itu, amat penting bagi wanita dwi-peranan mengetahui kaedah dan penyelesaian yang boleh dilakukan bagi mengurangkan konflik peranan yang dihadapi, dalam masa yang sama memperolehi sokongan sosial yang tinggi. Strategi daya tindak yang berkesan mungkin antara pengantara yang boleh meningkatkan tahap kesejahteraan emosi mereka. Kerjasama dan keprihatinan daripada pasangan, keluarga, majikan dan masyarakat juga boleh membantu wanita dwi peranan untuk mengurangkan konflik peranan, seterusnya mencapai kesejahteraan emosi yang optimum.

Kata kunci: *Konflik peranan, wanita dwi peranan, kerjaya, kesejahteraan emosi, sokongan sosial*

ABSTRACT

Women play an important role in national development agenda. Nowadays, women need to have a career to fulfill the basic needs of their family. Thus, industrialisation and urbanization process affects woman's role in the society as women start to work outside, and

¹ Siti Marziah Zakaria, PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, marziah@ukm.edu.my

² Norulhuda Sarnon, PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, norul@ukm.edu.my

³ Faradillah Iqmar Omar, PhD, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, faradillah@kuis.edu.my

⁴ Suzana Mohd Hoesni, PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, smh@ukm.edu.my

⁵ Nurul Shafini Shafurdin, MSSc, Universiti Kebangsaan Malaysia, nurulshafinishafurdin@gmail.com

begin to involve in professional sectors. This scenario has triggered role conflict among working women. Therefore, this article will identify the relationship between role conflict, social support and emotional well-being among dual-role women in Lembah Klang. A total of 283 respondents has involved in this study as research sample. Purposive sampling method was used, by specifying a few criteria to the potential respondents. This study found that there are significant relationships between dual-role woman's role conflict, social support and emotional well-being. It portrays that the women' level of emotional well-being are effected if the role conflict is high and the social support is low. Hence, it is important for dual-role women to determine methods and solutions to scale down the role conflicts, at the same time, gaining more social support from the significant ones. Good coping skills can act as a mediator that can boost up their emotional well-being. Cooperation and concern gained from the spouses, families, employers and community can help dual-role women to minimize the role conflict, and achieving optimum emotional well-being.

Keywords: *Role conflict, dual-role women, career, emotional well-being, social support.*

Pengenalan

Kajian-kajian lalu telah menunjukkan bahawa ibu yang bekerjaya mengalami konflik peranan sebagai ibu dan peranan sebagai pekerja (dwi-peranan). Konsep konflik peranan bagi ibu yang bekerjaya telah lama dibincangkan oleh pelbagai tokoh seperti Goode (1960) melalui Theory of Role Strain yang menyatakan bahawa memiliki pelbagai peranan adalah memematkan dan boleh menyebabkan berlakunya ketegangan dan bebanan peranan (strain and role overload). Begitu juga dengan Greenhouse dan Beutell (1985) yang merujuk konflik kerjaya sebagai konflik antara peranan yang mana ia menuntut masa, tenaga dan tingkah laku untuk tugas kedua-duanya sama ada pekerjaan ataupun keluarga. Frone (2003) berpendapat, keseimbangan antara kerjaya-keluarga akan membantu mengurangkan tahap konflik peranan.

Frone (2003) juga mengakui bahawa pelbagai peranan yang dibawa sebagai seorang pekerja dan ibu boleh menyebabkan individu mengalami tekanan pada tahap yang tinggi dan menjejaskan kualiti hidup mereka. Tekanan psikologi yang dialami oleh individu ini juga boleh mengurangkan kualiti perkahwinan dan menyebabkan ketegangan antara pasangan. Kajian turut menunjukkan bahawa konflik peranan ini mempunyai perkaitan dengan penyesuaian dalam perkahwinan. Walaubagaimanapun, Schnurman-Crook (2001) mencadangkan bahawa strategi daya tindak dan sumber daya tindak mengantara kesan konflik peranan ke atas kualiti perkahwinan. Justeru, wanita yang menghadapi konflik peranan perlu memiliki strategi daya tindak yang positif bagi memelihara kualiti perkahwinan. Dua jenis daya tindak yang dicadangkan dalam kebanyakan literatur ialah daya tindak berfokus masalah dan daya tindak berfokus emosi.

Kajian oleh Redshaw dan Martin (2010), mendapati bahawa ibu yang bekerja berada dalam keadaan tertekan disebabkan merasa tidak dapat memenuhi peranan tradisional sebagai ibu sepenuh masa. Ini boleh memberi kesan kepada bagaimana wanita melihat diri mereka. Perasaan ini wujud kerana dilema dalam memenuhi peranan penjagaan anak dan keperluan untuk memperolehi pendapatan untuk menampung kehidupan. Penghargaan diri yang rendah dan jangkakan orang lain terhadap mereka boleh mempengaruhi semua aspek kehidupan yang menyumbang kepada kekeliruan peranan. Bagi ibu muda, sudah tentu konflik ini berlaku

dengan lebih hebat lagi kerana mereka perlu menyesuaikan diri dalam pelbagai aspek kehidupan.

Simon (2002) juga menyatakan bahawa perubahan tren dalam peranan gender dalam masyarakat mempunyai perkaitan dengan perkembangan penyakit mental yang spesifik kepada gender seseorang itu. Wanita yang berkahwin memberikan respon yang berbeza terhadap perubahan perkahwinan serta menghadapi pelbagai masalah emosi berbanding dengan golongan lelaki. Daripada penelitian data sepanjang tiga dekad kajian, mereka membuat kesimpulan bahawa perubahan sosial yang melibatkan perubahan peranan gender dalam masyarakat memberi impak kepada kesihatan mental wanita bekerjaya. Uttam (2011) melaporkan bahawa sebab utama tekanan dalam kalangan pasangan bekerja ialah kerana bebanan kerja yang tinggi, masa yang terhad, masalah dengan ketua, kerja-kerja rumah dan persiapan untuk anak ke sekolah. Sebahagian daripada mereka melaporkan tekanan yang disebabkan oleh masalah keluarga. Ibu yang bekerjaya jelas mempunyai rutin harian yang sentiasa sibuk setiap hari. Mereka perlu melunaskan kebanyakan tanggung jawab di rumah juga di tempat kerja dalam masa yang terhad.

Justeru, dalam situasi keluarga begini, yang mana isteri juga turut bekerja di luar, kedua-dua isteri dan suami perlu melakukan penyesuaian daripada segi peranan di rumah. Suami perlu bersama-sama dengan isteri untuk mengurus rumah dan anak-anak. Ini boleh mengurangkan tekanan, kekangan masa dan kesulitan yang dihadapi oleh isteri. Kesejahteraan emosi wanita bekerjaya mungkin boleh dipertingkatkan lagi dengan adanya pembahagian tugas di rumah serta sokongan daripada keluarga. Kertas kerja ini akan mengenalpasti hubungan antara konflik peranan dengan sokongan sosial dan kesejahteraan emosi wanita dwi-peranan di Lembah Klang.

Kajian Literatur

Pada masa kini, proses industrialisasi dan urbanisasi telah meninggalkan kesan terhadap peranan wanita dalam masyarakat menyebabkan wanita mula bekerja di luar rumah, dan mula mendalami bidang profesion. Antara sebabnya adalah kerana desakan ekonomi (Sweet, 1973), faktor psikologi (Maslow, 1951) seperti keinginan untuk menghindari dari neurosis sebagai tanda kegagalan dalam perkembangan individu (Hall & Hall, 1979) dan keinginan untuk menyumbangkan bakat dan latihan yang ada (Fatimah Abdullah, 1985). Konflik yang dialami oleh wanita adalah untuk menyeimbangi peranan tradisionalnya sebagai isteri pada masa yang sama sebagai seorang pekerja.

Konflik kerjaya-keluarga adalah masalah yang sering dihadapi wanita, kerana meskipun mereka adalah seorang wanita profesional yang memiliki status pekerjaan yang sama dengan suaminya, mereka tetap menghadapi pola tradisional yang tidak seimbang dalam tugas menjaga anak dan pekerjaan rumah (Reni Yuliviona, 2014). Tekanan merupakan isu yang kerap berlaku kepada wanita bekerja yang berpunca daripada faktor-faktor seperti beban tugas, masalah kesihatan, penjagaan anak-anak, hubungan sosial, hubungan dengan suami, pengurusan masa dan penjagaan sendiri (Nurul Naimah Rose & Mohd Yusri Mustafa, 2018). Kesan negatif daripada tekanan akan dimanifestasikan dalam aspek fizikal, emosi, tingkah laku dan pemikiran.

Wanita bekerja sering menghadapi dilema dalam membahagikan tugas mereka di pejabat dan menguruskan rumah tangga (Noor Rahamah, 2012). Sebanyak 12 buah keluarga

yang mempunyai tiga generasi perempuan telah dipilih menjadi responden. Maklumat telah diperoleh melalui temu bual mendalam dengan responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaum wanita yang menghadapi masalah dalam melakukan tugas di rumah juga mempunyai masalah di tempat kerja. Mereka sukar untuk memikul beban di tempat kerja dan di rumah pada waktu yang sama. Mereka melaporkan menghadapi beberapa masalah di tempat kerja seperti prosedur kenaikan pangkat yang tidak adil dan rakan sekerja yang mempunyai pelbagai ragam (Noor Rahamah, 2012).

Di samping itu, wanita dwi-peranan juga berdepan dengan dilemma tentang peranan mana yang harus ditekankan (Sunita Malhotra & Sapna Sachdeva, 2005). Kajian ke atas 82 orang wanita profesional mendapati bahawa wanita-wanita ini mengalami konflik antara peranan kerja dan keluarga dalam intensiti yang berbeza (Aminah Ahmad, 1995). Mereka perlu mengambil pendirian bahawa konflik peranan merupakan kenyataan yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan dan cuma berharap konflik tersebut akan berkurangan mengikut masa (Aminah Ahmad, 1995). Wanita yang menghadapi konflik peranan boleh menggunakan pelbagai strategi daya tindak untuk mengurangkan konflik yang dihadapi. Wanita profesional yang dikaji mengurangkan konflik dengan menggunakan strategi reaktif serta mengubah sikap dan persepsi diri terhadap tuntutan peranan. Wanita yang menggunakan strategi reaktif akan mencari jalan dan strategi bagi memenuhi peranan dan jangkaan terhadap mereka. Mereka sentiasa merancang, menyusun jadual dan mengemaskini aktiviti serta tugas.

Walau bagaimanapun, kajian yang telah dijalankan ke atas 100 orang wanita Melayu profesional yang berkelulusan universiti menunjukkan hasil yang berbeza (Mohd Noor Jais, 1996). Responden yang dikaji merupakan eksekutif wanita Melayu yang bekerja di sektor korporat dan mereka memegang jawatan sebagai eksekutif dan pengurus dalam bidang-bidang pentadbiran, pengurusan, kejuruteraan, kewangan, perakaunan, pemasaran, latihan dan sebagainya. Dalam kajian ini didapati bahawa eksekutif wanita di sektor korporat tidak begitu mengalami konflik peranan. Ini kerana mereka mempunyai sistem sokongan yang kuat di rumah seperti sokongan daripada suami, anak-anak dan pembantu rumah (Mohd Noor Jais, 1996) Mereka juga mempunyai kemudahan teknologi yang banyak membantu mereka dalam kerja-kerja domestik seperti mesin basuh, pengering, ketuhar mikro, periuk elektrik dan sebagainya yang telah memudahkan kerja mereka.

Tengku Aizan Hamid (2001) menegaskan bahawa individu mungkin akan mengalami masalah psikologi seperti depresi sekiranya kurang menerima sokongan sosial. Ini dapat menjelaskan bahawa golongan wanita dwi-peranan perlu mempunyai sokongan sosial yang kuat bagi membolehkan mereka memperoleh kesejahteraan emosi. Ini juga selari dengan kajian oleh Rohany Nasir et al. (2016) yang menjelaskan bahawa sokongan sosial telah dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi kesejahteraan psikologi yang lebih baik untuk mengelakkan kesunyian dan kemurungan. Jelasnya, sokongan sosial yang lemah berkemungkinan menyebabkan kesukaran dalam kehidupan seharian.

Metodologi

Rekabentuk dan sampel kajian

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai teknik pengumpulan data. Sampel responden bagi kajian ini adalah

terdiri daripada golongan wanita sahaja. Para responden direkrut berdasarkan persampelan bertujuan di mana responden kajian dipilih berdasarkan ciri-ciri tertentu yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Kriteria yang telah ditentukan adalah wanita yang bekerja di Lembah Klang, berwarganegara Malaysia, berusia dalam lingkungan 20 tahun hingga 60 tahun sahaja, berkahwin dan telah mempunyai anak serta tinggal bersama pasangan dan anak. Istilah dwi peranan dalam kajian ini dapat didefinisikan daripada aspek sosial iaitu berperanan sebagai isteri serta ibu dan seorang pekerja sepenuh masa. Seramai 283 orang responden telah terlibat dengan kajian ini dan bertindak sebagai sampel kajian.

Instrumen kajian

Alat soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian untuk mengumpul data. Dalam borang soal selidik yang diberikan kepada responden, terdapat enam bahagian yang perlu dijawab dengan telus dan jujur oleh responden dengan memilih jawapan yang hampir menggambarkan diri mereka. Bahagian A adalah bahagian sosio-demografi yang merangkumi soalan berkaitan dengan latar belakang responden, seperti umur, etnik, taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan, tempat tinggal dan bilangan anak mereka.

Bahagian B pula adalah bahagian sokongan sosial, yang merangkumi 12 item secara keseluruhannya. Responden perlu menandakan kadar persetujuan mereka terhadap pernyataan yang diberikan dengan pilihan 4 skala pemeringkatan Likert iaitu 1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= setuju dan 4= sangat setuju. Bagi bahagian ini, skor sokongan sosial diukur menggunakan alat ujian yang dibangunkan oleh Zimet dan rakan-rakan iaitu Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS). Alat ujian ini mengandungi 12 item yang mengukur skala persepsi individu terhadap sokongan sosial yang diterima olehnya daripada keluarga, rakan-rakan dan insan lain yang signifikan, selain daripada ahli keluarganya sendiri (Zimet, Dahlem, Zimet & Farley, 1988).

Alat ujian ini telah dipilih kerana mempunyai skor kebolehpercayaan yang baik. Skor kebolehpercayaan yang diukur menggunakan kaedah uji-uji semula menunjukkan skor yang tinggi ($r=.85$). Kebolehpercayaan dalamannya juga menunjukkan skor yang tinggi (Cronbach $\alpha=.88$). Skor tinggi yang diperoleh oleh responden menunjukkan tahap penerimaan sokongan sosial yang baik daripada keluarga, rakan-rakan dan insan signifikan yang lain.

Set soal selidik diteruskan dengan Bahagian C. Bahagian ini dibina sendiri oleh pengkaji untuk mengukur konflik peranan yang diterima oleh responden, sebagai seorang isteri, ibu serta pekerja di tempat kerja mereka. Kesemua item ini telah dibangunkan oleh pengkaji dan kesahan kandungan terhadap 16 item ini telah dilakukan oleh pakar bidang yang berkaitan. Pengukuran bahagian ini menggunakan 4 skala Likert (1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= setuju dan 4= sangat setuju). Pengukuran konflik peranan ini dibina bagi melihat bagaimana penyesuaian diri wanita dwi peranan untuk menjalankan tanggungjawabnya dalam 2 keadaan yang berbeza, sebagai seorang isteri, ibu dan juga pekerja. Soalan-soalan yang berkaitan dengan hubungan suami-isteri, ibu-anak dan juga majikan-pekerja merupakan kandungan dalam pengukuran ini.

Bagi bahagian D pula, pengkaji mengukur kesejahteraan emosi responden dengan menggunakan *The Warwick-Edinburg Mental Well-Being Scale* (WEMWBS). Skala pengukuran ini telah dibina dengan dana *The Scottish Government's National Programme for Improving Mental Health and Well-being*, dan telah dibangunkan oleh pakar-pakar dari University of Edinburgh dan juga University of Warwick. Pengukuran ini terdiri daripada 14

item mengenai kesejahteraan mental yang merangkumi kesejahteraan subjektif dan juga kefungsi psikologikal, di mana kesemua item dinyatakan dalam bentuk yang positif dan menunjukkan aspek kesihatan mental yang baik.

Pengumpulan data

Sebelum responden diberikan borang soal selidik, setiap daripada responden telah dimaklumkan tentang syarat-syarat yang ditetapkan iaitu mestilah berjantina wanita bekerja, mempunyai anak dan masih tinggal bersama pasangan serta berumur dalam lingkungan 20-60 tahun. Seterusnya, responden juga diberitahu tentang tujuan dan bahagian-bahagian dalam borang soal selidik yang diedarkan. Responden juga diberitahu bahawa maklumat yang diberikan hanya untuk tujuan kajian dan tidak akan didedahkan identitinya kepada umum. Masa diambil untuk mengumpul semua data adalah tiga bulan secara sepenuhnya.

Analisis statistik

Melalui borang soal selidik yang diedarkan, data-data yang diterima dari setiap responden kemudiannya dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science 21 (SPSS21)*. Data dianalisis dengan menggunakan analisa deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk menjana profil sosio-demografi dalam kalangan responden manakala statistik inferensi khususnya analisis korelasi digunakan untuk mengenalpasti hubungan signifikan antara konflik peranan, sokongan sosial dan kesejahteraan emosi berdasarkan respons yang diberikan oleh responden terlibat.

Dapatan

Profil Demografi

Data deskriptif dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Sosial Sciences (SPSS)* yang memperlihatkan keputusan taburan demografi responden seramai 283 orang yang terdiri daripada golongan wanita dwi-peranan di Lembah Klang. Secara keseluruhannya, majoriti responden (24%) adalah dalam kategori umur di antara 36 - 40 tahun dan majoriti (96%) juga adalah daripada etnik Melayu. Dari segi pendidikan, didapati bahawa majoriti responden (38%) merupakan mereka yang mendapat pendidikan di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Ini menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai pendidikan tinggi lebih ramai memiliki kerjaya.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa majoriti responden (46%) merupakan kakitangan kerajaan, diikuti 43% adalah daripada sektor swasta dan 11% adalah bekerja sendiri. Dari aspek pendapatan, majoriti responden (35%) memperoleh pendapatan antara RM4100 hingga RM5000. Manakala 20% responden memperoleh pendapatan antara RM2100 hingga RM3000. Hanya minoriti responden (5%) memperoleh pendapatan yang kurang daripada RM1000. Jadual 1 menunjukkan taburan data profil demografi responden.

Jadual 1: Profil Demografi (N=283)

Demografi	Kekerapan	Peratusan
Umur		
20-25	7	3
26-30	29	10
31-35	62	22
36-40	67	24
41-45	57	20
46-50	27	10
51-55	23	8
56-60	11	4
Etnik		
Melayu	272	96
Cina	3	1
India	5	2
Lain-lain	3	1
Pendidikan		
Sekolah Rendah	6	2
Sekolah Menengah	48	17
Sijil/Diploma/STPM/HSC	88	31
Ijazah Sarjana Muda	106	38
Master/PhD	35	12
Pekerjaan		
Kerajaan	131	46
Swasta	122	43
Sendiri	30	11
Pendapatan		
Kurang RM1000	13	5
RM1001 – RM2000	27	10
RM2100 – RM3000	57	20
RM3100 – RM4000	55	19
RM4100 – RM5000	99	35
Lebih RM5000	32	11

Analisis Korelasi

Ujian korelasi digunakan untuk mengenal pasti kekuatan hubungan setiap pemboleh ubah. Pekali korelasi ialah suatu indeks yang menunjukkan darjah hubungan antara pemboleh ubah. Nilai-nilai r ini boleh diringkaskan seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Tahap kekuatan korelasi

Nilai Pekali (<i>r</i>)	Hubungan
.10 kepada .29 atau -.10 kepada -.29	Kecil
.30 kepada .49 atau -.30 kepada -.49	Sederhana
.50 kepada 1.0 atau -.50 kepada -1.0	Besar

Sumber: Cohen (1988)

Hubungan antara Konflik Peranan, Sokongan Sosial dan Kesejahteraan Emosi

Hasil analisis korelasi menunjukkan hubungan antara konflik peranan dan kesejahteraan emosi merupakan satu hubungan negatif yang sederhana tetapi signifikan ($r = -.339$, $p < 0.05$). Keputusan ini menjelaskan bahawa semakin meningkat konflik peranan, maka semakin berkurangan kesejahteraan emosi wanita dwiperanan. Ini menunjukkan bahawa semakin besar konflik peranan yang dihadapi oleh wanita dwiperanan, maka semakin rendah tahap kesejahteraan emosi mereka iaitu boleh mengundang kepada kemurungan dan tekanan. Sementara itu, keputusan mendapati wujud hubungan positif yang sederhana ($r = .361$) dan signifikan ($p < 0.05$) antara sokongan sosial dengan kesejahteraan emosi. Ini bererti apabila sokongan sosial diperoleh adalah tinggi, maka kemungkinan untuk responden memperoleh kesejahteraan emosi juga turut tinggi. Selain itu, hubungan sokongan sosial dan konflik peranan merupakan satu hubungan negatif yang sederhana tetapi signifikan ($r = -.336$, $p < 0.05$). Ini menjelaskan bahawa semakin kuat sokongan sosial yang diterima, maka semakin rendah konflik peranan yang dihadapi. Oleh itu, keputusan ini mengesahkan bahawa sokongan sosial amat penting bagi mengatasi konflik peranan yang dihadapi oleh wanita dwiperanan. Selain itu, kesejahteraan emosi juga akan turut dicapai apabila wanita memperoleh sokongan sosial serta berdepan dengan konflik peranan yang rendah. Jadual 3 menjelaskan keputusan analisis korelasi antara pemboleh ubah.

Jadual 3: Hubungan antara dengan Konflik Peranan, Sokongan Sosial dan Kesejahteraan Emosi

		Sokongan Sosial	Konflik Peranan	Kesejahteraan Emosi
Sokongan Sosial	Pearson Correlation	1	-.336**	.361**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000
	N	283	283	283
Konflik Peranan	Pearson Correlation	-.336**	1	-.339**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000
	N	283	283	283
Kesejahteraan Emosi	Pearson Correlation	.361**	-.339**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	
	N	283	283	283

** Signifikan pada aras 0.01

Perbincangan

Daripada hasil kajian yang telah dinyatakan, menunjukkan bahawa wanita dwiperanan menghadapi konflik peranan dan memerlukan sokongan sosial untuk menjamin kesejahteraan emosi mereka. Ini adalah selari dengan kajian-kajian terdahulu yang menunjukkan pentingnya sokongan sosial bagi seorang wanita berkerjaya sepertimana kajian Rivera-Torres, Araque-Padilla dan Montero-Simó (2013) yang melihat bahawa aspek emosi dan intelektual adalah signifikan dengan sokongan sosial dalam kalangan wanita berkerjaya. Tambahan pula, hasil kajian tersebut menunjukkan sokongan sosial mempunyai pengaruh yang lebih besar terhadap tahap tekanan kerja di kalangan wanita berbanding lelaki.

Dapatan yang menunjukkan adanya hubungan antara konflik peranan dengan kesejahteraan emosi memberikan gambaran bahawa semakin tinggi konflik peranan yang dialami, kecenderungan untuk tidak sejahtera emosi adalah tinggi. Aspek konflik peranan yang merupakan satu konflik dalaman iaitu konflik intrapersonal seharusnya boleh ditangani dengan baik oleh wanita agar lebih sejahtera emosi. Menurut Cooklin et al. (2015), konflik peranan akan menjejaskan hubungan dalam perkahwinan dan ia biasa berlaku semasa anak masih kecil. Konflik yang tidak ditangani boleh menyebabkan wanita berada dalam keadaan tertekan hingga boleh memberi kesan yang negatif kepada persekitaran diri wanita itu dan keluarga.

Samulewicz (2012) menunjukkan bahawa konflik peranan boleh membawa kepada kebimbangan, keletihan, tekanan dan kemurungan. Lazimnya konflik peranan tidak jelas kelihatan dan hanya dapat dikesan melalui indikator tertentu seperti keletihan dan rasa tertekan apabila diberikan arahan, tidak cukup tidur dan pola pemakanan yang tidak teratur. Sehubungan itu, beberapa aspek penting yang berkaitan untuk mengurangkan konflik peranan seperti pengurusan masa, sikap asertif, kekuatan dalaman diri dan spiritual wanita harus dipertingkatkan. Wanita juga perlu bijak untuk membezakan sempadan bagi setiap peranan yang dimainkan agar tidak keterlaluan atau berlakunya ketidakseimbangan dalam melaksanakan satu-satu peranan.

Hasil kajian ini turut mendapati terdapatnya hubungan antara kesejahteraan emosi dengan sokongan sosial. Sokongan sosial ahli keluarga di rumah dan rakan serta organisasi tempat kerja adalah penting bagi meningkatkan kesejahteraan wanita dwi-peranan. Kajian oleh Abbas et al. (2018) menunjukkan bahawa sokongan sosial bagi wanita yang berkerjaya adalah berhubungan dengan kebimbangan, kemurungan dan tekanan. Wanita dwi-peranan memerlukan sokongan sosial terutama daripada orang yang disayangi seperti suami dan ahli keluarga terdekat. Walaubagaimanapun, pembahagian peranan dan tugas rumah tangga yang tidak adil antara suami dan isteri hari ini masih dipengaruhi oleh cara bagaimana masyarakat melihat peranan gender yang cenderung meletakkan wanita untuk selalu berperanan dalam hal-ehwal domestik rumahtangga (Dyah, 2015).

Tambahan pula, tuntutan kerja adalah sangat tinggi pada hari ini sebagai masyarakat dalam sebuah negara yang mensasarkan untuk menjadi negara maju. Budaya organisasi yang lebih mementingkan produktiviti tidak melayan perbezaan gender, sebaliknya melihat peranan wanita sebagai sama rata dengan lelaki dalam kebanyakan tugas dan peranan. Ini sedikit sebanyak memberi tekanan kepada emosi wanita yang adakalanya memerlukan pihak majikan memahami keadaan mereka yang mempunyai tanggungjawab dalam rumahtangga. Pihak majikan seharusnya lebih peka kepada latar belakang pekerja wanita mereka dan memberi sedikit kelonggaran atau fleksibiliti kepada wanita yang memegang pelbagai

peranan. Antaranya ibu tunggal yang harus berperanan sebagai ayah dan ibu di rumah. Begitu juga dengan wanita yang memelihara ibu atau ayah yang uzur di rumah, wanita yang memiliki dan menjaga anak-anak OKU dan sebagainya. Golongan-golongan wanita ini memerlukan lebih empati dan pemahaman daripada majikan.

Oleh yang demikian, adalah penting bagi pihak yang menjaga kepentingan wanita seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan badan bukan berkanun (NGO) untuk memandang isu kepelbagaian peranan wanita hari ini sebagai isu yang perlu diketengahkan. Pihak majikan mungkin perlu memberi sedikit kelonggaran kepada wanita dwi-peranan daripada segi masa bertugas. Jadual waktu anjal harus dipraktikkan di kebanyakan jabatan kerajaan dan sektor swasta untuk memberi wanita sedikit masa bagi mengurus anak-anak sebelum mereka memulakan tugas mereka di pejabat. Cuti-cuti khas untuk wanita mungkin boleh dikaji semula untuk memberi pelepasan bagi mereka yang mempunyai hal-hal kecemasan.

Pihak keluarga, terutamanya pihak suami juga perlu memberi perhatian kepada konflik peranan yang dihadapi oleh isteri mereka. Isu yang berkait dengan konflik peranan perlu dirungkai segera dan diambil tindakan supaya kesejahteraan emosi wanita dapat dipelihara. Wanita-wanita bekerja ini tidak seharusnya terus dibebani dengan tanggung jawab yang berat di rumah kerana mereka juga memerlukan rehat yang cukup, tidur yang sempurna dan masa untuk diri sendiri. Suami perlu juga sama-sama menjalankan tugas domestik di rumah walaupun bercanggah dengan peranan tradisional mereka seperti menyediakan makan malam dan mendobi pakaian. Realitinya, isu konflik peranan ialah isu yang harus dipandang berat oleh semua, kerana ia melibatkan keseluruhan sistem dalam masyarakat.

Rumusan

Kesimpulannya, peranan sokongan sosial adalah penting bagi membantu wanita berjaya hari ini untuk lebih sejahtera. Selain itu, adalah penting untuk memastikan konflik peranan yang berlaku dalam kalangan wanita dwi-peranan tidak berlanjutan hingga boleh menjejaskan hubungan dengan pasangan, anak-anak dan majikan. Wanita dwi-peranan juga perlu lebih bijak dalam mengatur tugas dan membezakan sempadan antara peranan yang perlu dimainkan. Kesibukan mereka bekerja contohnya, tidak boleh dikompromi dengan keselamatan dan kesejahteraan anak-anak di rumah. Mereka bekerja untuk memenuhi keperluan kewangan dan menyumbang kepada pembangunan negara. Oleh itu, majikan perlu lebih menghargai mereka, dan dalam masa yang sama peka akan keterbatasan dan kekangan mereka sebagai wanita dwi-peranan. Mereka boleh berperanan secara optimum di pejabat jika mendapat sokongan daripada pihak majikan juga keluarga. Mereka juga mungkin lebih cemerlang dan sihat jika mempunyai persekitaran tempat kerja yang sejahtera, selamat, menghargai mereka dan memahami tuntutan peranan mereka.

Penghargaan

Kertas kerja ini ditulis berdasarkan dapatan daripada Geran Galakan Penyelidikan (GGP). Kod projek adalah GGP-2017-013. Geran ini akan tamat pada 15 Disember 2018.

Rujukan

- Abbas, J., Aqeel, M., Abbas, J., Shaher, B., Jaffar A., Sundas, J.W & Zhang. 2018. The moderating role of social support for marital adjustment, depression, anxiety, and stress: Evidence from Pakistani working and nonworking women. *Journal of Affective Disorders*. DOI: 10.1016/j.jad.2018.07.071
- Aminah Ahmad. 1995. Role Conflict and Coping Behaviour of Married Working Women. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanity*, 3 (2): 97-104.
- Cooklin, A. R., Westrupp, E., Strazdins, L., Giallo, R., Martin, A. and Nicholson, J. M. 2015. Mothers' work-family conflict and enrichment. *Child Care Health Dev*, 41: 266-277. doi:10.1111/cch.12137
- Dyah Purbasari Kusumaning Putri. 2015. Pembagian peran dalam rumah tangga pada pasangan suami istri jawa. *Jurnal Penelitian Humaniora*, 16 (1): 72-85.
- Fatimah Abdullah. 1985. Wanita Dan Pekerjaan: Satu Analisis Konflik Peranan. *Akademika*, 27: 77-93.
- Frone, M.R. 2003. *Work-family balance*. Dalam Quick, J.C. & Tetrick, L.E. (Eds). *Handbook of Occupational Health Psychology*. American Psychological Association, Washington, DC, 143-162.
- Goode, W. J. 1960. A theory of role strain. *American Sociological Review*, 25: 483-496. <http://dx.doi.org/10.2307/2092933>
- Greenhaus, J. H. J., & Beutell, N. J. 1985. Sources of conflict between work and family roles. *Academy of Management Review*, 10 (1): 76-88.
- Hall, F. S., & Hall, D. T. 1979. *The two-career couple*. Reading, Mass.: Addison-Wesley Publishing Company.
- Martin, C.R. & Redshaw, M. 2010. Fathers in the twenty-first century: Essential role or accessory? *Journal of Reproductive and Infant Psychology*. 28(2).
- Maslow, W. 1951. Prejudice, Discrimination, and the Law. *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Science*, 275(1): 9-17.
- Mohd Noor Jais. 1996. Eksekutif wanita Melayu dan pekerjaan di sector korporat: Satu analisis konflik peranan. Tesis Sarjana Sains. Universiti Putra Malaysia.
- Noor Rahamah Abu Bakar. 2012. Wanita bekerja dan pengurusan keluarga. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8 (7): 155-162.
- Nurul Naimah Rose dan Mohd Yusri Mustafa. 2018. Tekanan dalam kalangan Wanita Bekerja: Khidmat Bantu Kaunseling Menggunakan Konsep Teori Tekanan Lazarus dan Praktis Terapi Berfokus Solusi. *Asian Sosial Work Journal*, 3 (1).
- Reni Yuliviona. 2014. Konflik kerjaya keluarga dan tekanan perempuan bekerja, *Jurnal Ipteks Terapan*, 8 (4): 192-198.
- Rivera-Torres, P.; Araque-Padilla, R.A.; Montero-Simó, M.J. 2013. Job Stress across Gender: The Importance of Emotional and Intellectual Demands and Sosial Support in

Women. *International Journal of Environmental Research and Public Health International*, 10 (1): 375-389.

- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohd. Norahim Moh. Sani & Aizan Sofia Amin. 2016. Hubungan antara kesunyian dan sokongan sosial terhadap kemurungan dalam kalangan wanita hamil tanpa nikah. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30 (1): 152-159.
- Samulewicz, D. 2012. Barriers to Pursuing Careers in Science, Technology, and Engineering for Women in the United Arab Emirates. *Gender, Technology and Development*, 16 (2): 125-152.
- Schnurman-Crook, A. M. 2001. Marital Quality in Dual-Career Couples: Impact of Role Overload and Coping Resources. Dissertation submitted to the Faculty of the Virginia Polytechnic Institute and State University in partial fulfillment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy.
- Sunita Malhotra & Sapna Sachdeva. 2005. Social Roles and Role Conflict: An Interprofessional Study among Women, *Journal of the Indian Academy of Applied Psychology*, 31 (1-2): 37-42.
- Sweet, J. A. 1973. *Women in the labor force*. United States: Academic Press.
- Tengku Aizan Hamid. 2001. Sokongan sosial, kualiti hubungan dan kesejahteraan psikologi antara anak dewasa dengan ibu bapa. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 9 (1): 61-69.
- Uttam, K.P. 2011. Role conflict, stress and dual career couples: An empirical study. *The Journal of Family Welfare*. 57 (2): 72-88.